

**DATE** : 30 MARCH 2017  
**PUBLICATION** : BERITA HARIAN  
**SECTION** : BISNES  
**HEADLINE** : IPO DIJANGKA PACU BURSA MALAYSIA LEBIH 27 PERATUS  
**CATEGORY** : MENTION  
**MEASUREMENT** : 55.2CM<sup>2</sup>  
**tone** : NEUTRAL  
**REMARKS** : NIL

## IPO dijangka pacu Bursa Malaysia lebih 27 peratus

**Tawaran** awam permulaan (IPO) yang bakal dilaksanakan tahun ini berkemungkinan dapat memacu dagangan Bursa Malaysia lebih tinggi daripada 27 peratus yang dicapai tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Bhd Datuk Seri Tajuddin Atan, berkata penyenaraian Eco World International Bhd (EWI) pada Isnin ini, akan menjadi antara

tumpuan utama tahun ini, memandangkan permodalan pasarannya yang besar.

"Tambahan pula, kami mendengar Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah meluluskan penyenaraian dua IPO lagi, masing-masing di pasaran utama dan pasaran ACE.

"Penyenaraian ini sudah mencukupi untuk menrancakkan pas-

aran," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan Bursa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

### Modal pasaran

Setakat ini bagi tahun ini, HLT Global Bhd, Matang Bhd, KIP Real Estate Investment Trust dan Serba Dinamik Holdings Bhd telah disenaraikan.

Secara kolektifnya, empat penyenaraian itu mempunyai permodalan pasaran berjumlah kira-kira RM2.84 bilion, yang hampir sama dengan permodalan pasaran EWI.

Tajuddin berkata, buat masa ini, momentum dagangan dalam pasaran saham tempatan adalah amat baik, dengan kira-kira RM4.7 bilion dalam aliran masuk dana asing setakat ini.

Katanya, pada 13 hingga 17 Mac 2017, terdapat aliran masuk dana asing yang hebat dengan jumlah kira-kira RM1.7 bilion dalam minggu itu sahaja.

Selain IPO yang menarik dan kekuatan ringgit, beliau, berkata pelabur memasuki pasaran bagi mendapatkan hasil dividen yang kukuh dalam pasaran Bursa Malaysia.

**BERNAMA**